




**KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPK)
KENYATAAN TENDER PERKHIDMATAN**

Pelawaan ini terbuka kepada syarikat tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) di bawah Kod Bidang seperti yang dinyatakan di bawah untuk mengambil bahagian dalam pelawaan seperti berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENYERTAAN TENDER	BUTIRAN PENDAFTARAN SYARIKAT	TARIKH/ MASA/ TEMPAT TAKLIMAT DAN PENJUALAN DOKUMEN
1.	<p>No. Tender: KPK-T/1/2023</p> <p>Tajuk Tender: MEMBEKAL, MEMASANG, MENINGTEGRASI, MENAIKTARAF, MENGUJI DAN MENTAULIAH PUSAT DATA YANG MESRA ALAM DI KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPK)</p>	<p>Syarikat mestilah berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) di bawah Kod Bidang seperti berikut:</p> <p>i. 020301 (Perkakas Elektrik dan Aksesori) ii. 020302 (Perkakas Elektronik dan Aksesori) iii. 210101 (<i>Hardware (low end technology) - Supply all types of computer hardware including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance</i>) iv. 210102 (<i>Hardware (high end technology) - All types of server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance</i>) v. 210103 (<i>Software - Supply all computer software, operating system, database, off-the - shelf packages including maintenance</i>) vi. 210105 (<i>Telecommunication/ networking - supply product, infrastructure, services including maintenance (LAN/WAN/ Internet/wireless/satellite)</i>)</p> <p>Wakil syarikat dikehendaki untuk membawa bersama Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan MOF yang asal dan Kad Pengenalan ke sesi taklimat dan semasa pembelian Dokumen Tender</p>	<p>Syarikat DIWAJIBKAN untuk membuat pendaftaran ke sesi taklimat dan lawatan tapak dalam talian melalui pautan seperti berikut:</p> <p align="center">https://forms.gle/k2Bdx97ZMYpDpjNK8</p> <p align="center">Atau</p> <p align="center">Mengimbas Kod QR di bawah</p>  <p align="center">Tempoh Pendaftaran dibuka: 04 April 2023, jam 12.00 tengah hari hingga 07 April 2023, jam 12.00 tengah hari</p> <p>Emel keputusan pendaftaran akan dihantar kepada syarikat menggunakan emel yang didaftarkan selewat-lewatnya pada 07 April 2023, jam 4.30 petang.</p>	<p><u>Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak</u></p> <p>Tarikh : 10 April 2023 (Isnin)</p> <p>Masa : 10.00 pagi</p> <p>Tempat : Bilik Mesyuarat Nyatoh KPK Aras 11, No. 15, Presint 2, Persiaran Perdana 62654 Putrajaya</p> <p><u>Penjualan Dokumen Tender</u></p> <p>Tarikh : 10 April 2023 - 19 April 2023</p> <p>Hari : Isnin - Jumaat (Tidak termasuk Cuti Umum)</p> <p>Masa : 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari, kecuali pada 10 April 2023 (Setelah selesai sesi taklimat dan lawatan tapak)</p> <p>Tempat : Unit Kewangan dan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan, KPK Aras 6, No. 15, Presint 2, Persiaran Perdana 62654 Putrajaya</p> <p><u>Tarikh Akhir Penghantaran Dokumen Cadangan</u></p> <p>Tarikh : 09 Mei 2023 (Selasa)</p> <p>Masa : 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat : Peti Tender Unit Kewangan dan Perolehan Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan, KPK Aras 6, No. 15, Presint 2, Persiaran Perdana 62654 Putrajaya</p>

Arahan dan syarat kepada Petender:

1. Syarikat **DIWAJIBKAN** untuk mendaftarkan kehadiran secara dalam talian bagi proses semakan kelayakan untuk menyertai tender ini. Satu (1) syarikat hanya dibenarkan untuk membuat **satu (1) pendaftaran sahaja**. Pendaftaran hanya akan diterima pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan. **Pendaftaran lewat tidak akan dipertimbangkan** untuk menyertai taklimat tender dan lawatan tapak.
2. Petender yang memenuhi syarat kelayakan tender seperti di atas sahaja akan dipelawa melalui emel ke alamat emel yang didaftarkan secara dalam talian untuk hadir ke sesi taklimat. Satu (1) **Borang Pengesahan Kehadiran Sesi Taklimat Tender Dan Lawatan Tapak** akan dikemukakan bersama emel pelawaan tersebut. **Hanya penama yang tercatat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan MOF sahaja yang dibenarkan untuk hadir ke sesi taklimat**. Sila **cetak emel keputusan pendaftaran dalam talian** sebagai bukti untuk dikemukakan kepada Pegawai yang bertugas bagi tujuan pendaftaran sesi taklimat dan bawa bersama **Borang Pengesahan Kehadiran Sesi Taklimat Tender Dan Lawatan Tapak** yang telah dilengkapkan berserta Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan MOF yang asal. Kegagalan untuk mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan akan menyebabkan wakil syarikat **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai sesi taklimat dan lawatan tapak.
3. Hanya Petender yang menghadiri sesi taklimat dan lawatan tapak sahaja **DIBENARKAN** untuk membeli Dokumen Tender. Bagi pembelian dokumen tersebut, **hanya penama yang tercatat dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan MOF sahaja yang dibenarkan untuk membeli Dokumen Tender**. Sila bawa bersama **salinan asal** Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dengan MOF dan Kad Pengenalan semasa pembelian Dokumen Tender seperti di syarat penyertaan tender.
4. Dokumen Tender boleh dibeli pada hari dan masa yang ditetapkan dengan bayaran sebanyak **RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Sahaja)** senaskhah dan bayaran tersebut tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk **draf bank dari bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia** atau **kiriman wang pos (money order)** dan dibayar atas nama **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PERLADANGAN DAN KOMODITI**. Pastikan anda menerima resit selepas pembayaran dibuat.
5. Pembelian Dokumen Tender sebelum atau selepas tempoh penjualan yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan. Sebarang rayuan selepas tempoh penjualan tidak akan dipertimbangkan.
6. Dokumen Sokongan Teknikal dan Dokumen Sokongan Kewangan yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri serta dilabelkan **“DOKUMEN SOKONGAN TEKNIKAL”** dan **“DOKUMEN SOKONGAN KEWANGAN”** berserta tajuk tender di sebelah atas setiap sampul berkenaan. Kedua-kedua sampul tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam satu (1) sampul induk yang berlakri dan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat berikut:

Peti Tender

Unit Kewangan dan Perolehan

Bahagian Khidmat Pengurusan dan Pembangunan

Kementerian Perladangan dan Komoditi

Aras 6, No. 15, Presint 2

Persiaran Perdana

62654 Putrajaya

7. **Dokumen yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan** dan Kementerian **tidak akan bertanggungjawab** terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui perkhidmatan pos dan kurier.
8. Kementerian ini juga tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berkenaan penyediaan dokumen tender, serta tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran, dan tidak terikat untuk memberikan apa-apa maklum balas ke atas tawaran yang ditolak. Sebarang keputusan yang dibuat adalah muktamad.